

Selangor dedah perjanjian air, meterai perjanjian kedua dengan Putrajaya
Malaysian Insider
5 Mac, 2014
Oleh Diyana Ibrahim

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata Selangor akan dedah kandungan MoU industri air yang ditandatangani dengan Putrajaya. Kerajaan negeri Selangor akan mendedahkan kandungan perjanjian persefahaman (MoU) mengenai industri air yang ditandatanganinya dengan Putrajaya, dan sebuah lagi perjanjian dimeterai semalam sebagai susulan.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Putrajaya bersetuju dengan hasrat kerajaan negeri mendedahkan kandungan MoU tersebut kepada rakyat Selangor.

"Kita jangka dalam tempoh seminggu kerajaan negeri Selangor akan mendapatkan kelulusan daripada Putrajaya untuk mendedahkan MoU tersebut kerana kita perlu melalui prosedur.

"Putrajaya bersetuju kerana berpendapat ia bukan isu yang melibatkan keselamatan negara," kata Khalid kepada pemberita selepas mesyuarat exco di Bangunan Kerajaan Negeri di Shah Alam, hari ini.

Khalid berkata, perjanjian susulan ditandatangani dengan Putrajaya semalam, dan ia mengandungi maklumat lebih menyeluruh dan terperinci mengenai penstrukturan semula industri air Selangor.

Katanya, perjanjian kedua itu merupakan susulan daripada MoU pertama dan perkara itu akan dimaklumkan kepada pimpinan parti PKR dan Ketua Umum, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Khalid berkata, perjanjian kedua antaranya bersetuju bahawa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) mewakili kerajaan pusat manakala Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) mewakili Selangor.

KeTTHA dan KDEB akan berkerjasama menghasilkan deraf perjanjian awal dan ia akan ditandatangani dalam masa terdekat.

Antara lain Khalid memberi jaminan bahawa kerajaan negeri Selangor tidak akan menaikkan tarif air sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga tahun.

"Kita tidak akan naikkan tarif air dengan MoU ini, setidaknya dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Selain itu katanya, perjanjian awal yang ditandatangani dan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib turut akan didedahkan kelak kepada umum.

"Ya, kita akan dedahkan kandungan namun keutamaan pada MoU air pada Rabu lalu. Selepas ini barulah perjanjian kedua," katanya.

Perjanjian persefahaman air yang ditandatangani di antara kerajaan negeri dan pusat mencetuskan kontroversi kerana ia dilakukan tanpa dimaklumkan kepada pimpinan kerajaan negeri dan parti termasuk Anwar.

Ia menyebabkan Khalid sekali lagi dikritik terutamanya Pengarah Strategik PKR, Rafizi Ramli yang menyatakan rakyat Selangor kemungkinan berdepan dengan kenaikan tarif air ekoran perjanjian tersebut.

Rafizi mempersoalkan tindakan kerajaan Selangor yang merahsiahkan kandungan MoU kerana ia tidak sepatutnya berlaku tambahan pula tidak melibatkan perundangan.

Sebelum ini Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan perjanjian bersama kerajaan negeri tidak boleh diubah biarpun Anwar menjadi menteri besar.

Muhyiddin juga mengakui tarif air adalah antara perkara dalam perbincangan MoU namun tidak mengetahui kemungkinan berlaku kenaikan kerana ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri

Dalam perkembangan lain Rafizi juga dikatakan mendedahkan kandungan MoU yang kini tersebar dalam blog.

Khalid berkata kerajaan negeri tidak berminat mengulas mengenai kandungan MoU yang didedahkan Rafizi. – 5 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selangor-dedah-mou-air-meterai-perjanjian-kedua-dengan-putrajaya>